

11/06/1999

Pelancaran ASN2 memang tepat pada masa

Kadir Dikoh

RAKYAT negara ini amat beruntung kerana kerajaan sentiasa menyediakan wadah terutama bagi mereka yang ingin melabur menerusi skim amanah saham. Mungkin sukar melihat perkembangan ini di negara lain yang kebanyakannya menjurus kepada pelaburan secara langsung di pasaran saham.

Membuat pelaburan secara langsung seperti itu memerlukan banyak wang serta kerumitan yang hanya mampu dilakukan oleh orang berada. Menerusi pelaburan dalam amanah saham, pelabur kecil seperti petani, nelayan, suri rumah, remaja dan pelajar boleh melabur dalam syarikat yang dipilih oleh pengurus dana amanah saham.

Dengan itu, semua rakyat berpeluang memiliki saham dalam semua syarikat di Malaysia. Tanpa amanah saham, mereka yang mempunyai wang banyak saja boleh melabur.

Menyedari hakikat ini, Permodalan Nasional Bhd (PNB) yang ditubuhkan 21 tahun lalu sebagai alat penting dalam usaha menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan menghapuskan kemiskinan semua kaum, melancarkan satu lagi tabung unit amanah.

Dikenali sebagai Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) dengan saiz dananya berjumlah 2.5 bilion unit, ia ditawarkan untuk jualan mulai semalam. Ia dijual pada harga RM1 seunit dalam tempoh tawaran tetapi mulai 1 Januari 2000, harga ASN2 akan ditentukan oleh pasaran.

Ini juga membuka peluang sekali lagi kepada Bumiputera terutama yang belum memahami pelaburan di pasaran terbuka, untuk mengurus niaga berdasarkan sentimen pasaran.

Mungkin konsep 'beli ketika murah dan jual ketika mahal' boleh dipraktikkan. Memang tepat pada masanya ASN2 dilancarkan ketika indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mula naik dan stabil dalam keadaan kebanyakan harga saham masih boleh dianggap murah berbanding sebelum gawat.

Sudah tentu PNB melalui anak syarikatnya, Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) yang menguruskan ASN2 itu, membuat pelaburan bijak di syarikat kukuh di BSKL bagi memastikan pulangan menarik kepada pemegang saham ASN2.

Bagi yang 'takut' dengan risiko turun naik pasaran ini, mereka boleh mengekalkan pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB). ASB dilancarkan oleh PNB pada 1990 selepas penukaran taraf Amanah Saham Nasional (ASN) kepada harga berubah-ubah, bagi memberi pilihan melabur dalam dua produk iaitu berdasarkan harga tetap untuk ASB dan harga pasaran bagi ASN.

ASN ditukar daripada saham amanah harga tetap kepada saham amanah harga berubah-ubah mulai 1 Januari 1991 mengikut ketetapan surat ikatan amanah. Sehingga 30 April lalu, 1.3 juta pemegang unit menyertai ASN dengan jumlah pelaburan 2.4 bilion.

Sehingga 30 April lalu, melalui ASB, jumlah nilai pelaburan sebanyak RM25.7 bilion sudah digembleng daripada 5.01 juta pemegang unit.

ASN2 adalah kesinambungan kepada ASN yang pertama dilancarkan oleh PNB pada 1981. Dana amanah saham terbaru ini terbuka kepada Bumiputera yang berumur 18 tahun ke atas. Pelaburan boleh dibuat di ibu pejabat ASNB di Kuala Lumpur atau mana-mana cawangan Maybank di seluruh negara serta ejen ASNB secara berperingkat.

Tahap minimum pelaburan yang disyaratkan ialah 1,000 unit dan jumlah minimum pelaburan tambahan pula 100 unit. Bagaimanapun, pelaburan maksimum dalam ASN2 yang dibenarkan ialah 500,000 unit bagi setiap pelabur.

Apa yang menjadi keistimewaan kepada ASN2 ialah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibenarkan menyertai skim ini. Pencarum yang mempunyai simpanan sekurang-kurangnya RM55,000 dalam Akaun Satu dan berumur kurang 55 tahun, layak mengeluarkan sebahagian daripada caruman yang melebihi RM50,000 untuk dilabur dalam ASN2.

Antara lain, mereka boleh melabur tidak kurang RM1,000 atau 20 peratus daripada simpanan ke dalam Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik oleh KWSP dan dipersetujui oleh Kementerian Kewangan. Buat masa ini pencarum dibenarkan melabur dalam 29 IPD dalam senarai KWSP.

Namun, jualan balik bagi pelaburan dalam ASN2 tidak dibenarkan sepanjang tempoh tawaran iaitu sehingga 31 Disember ini. Kemudian, jualan balik minimum adalah sebanyak 100 unit dan baki minimum dalam buku pelaburan hendaklah sebanyak 1,000 unit.

Antara kelebihan lain ASN2 ialah pemegang unit dalam dana berpeluang mendapat pulangan dalam bentuk dividen dan keuntungan modal, tiada had bagi kekerapan urus niaga, tiada yuran perkhidmatan dikenakan ke atas jualan balik, urus niaga tunai serta merta, rangkaian ejen di seluruh negara dan skim khairat ditawarkan kepada semua pelabur yang layak menerimanya.

Apa yang diharapkan ASN2 ini mendapat sambutan di kalangan Bumiputera. Satu lagi amanah saham dilancarkan PNB pada 1996 iaitu Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) yang terbuka kepada semua kaum berumur 12 hingga 29 tahun, kurang mendapat sambutan Bumiputera.

Sehingga 30 April lalu, seramai 840,000 pemegang unit sudah membeli 1.8 bilion unit daripada 3 bilion unit yang ditawarkan. Daripada jumlah ini, 167,328 pemegang unit atau 19.76 peratus adalah berumur 12 hingga 18 tahun yang melabur dalam akaun remaja.

Bagaimanapun, pelabur bukan Bumiputera memegang 1.46 bilion unit atau 99.90 peratus daripada jumlah unit yang ditawarkan untuk bukan Bumiputera.

ASN2 dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra sempena perasmian Minggu Pelaburan Bersama PNB di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), kelmarin.

(END)